
USTAZ ASHAARI MUHAMMAD

مانسي تيدق مميليکي دان تيدق دميليکي

MANUSIA

TIDAK MEMILIKI DAN TIDAK DIMILIKI

DISUSUN OLEH:
TENGKU NORIAH (UMMI NOR)



مأنسي تيدق مميليکي دان تيدق دميليکي

MANUSIA

TIDAK MEMILIKI DAN TIDAK DIMILIKI

USTAZ
ASHAARI MUHAMMAD

مانسي تيدق مميليکي دان تيدق دميليکي

MANUSIA

TIDAK MEMILIKI
DAN TIDAK DIMILIKI

DISUSUN OLEH:
TENGKU NORIAH (UMMI NOR)

MANUSIA TIDAK MEMILIKI DAN TIDAK DIMILIKI

Cetakan Pertama September 1991



Penerbit
Shoutul Arqam
Yayasan Al Arqam Sg. Penchala,
Jalan Damansara 60000, KuaJa Lumpur.
Malaysia
Tel: 03-7171801

Muka taip teks: Times
saiztaipteks: llpoin

Rekabentuk kulit:
Ahmad Dini Juri

Aturhuruf dan Rekaletak:
Unit Rekabentuk Shoutul Arqam

Dicetak oleh:
AMPANG PRESS SDN. BHD.
6 & 8, Jalan 6/91,
Taman Shamelin Perkasa,
Batu 3 l/2, Jalan Cheras
56100 Kuala Lumpur.
Tel: 9849448 Fax: 9849105

KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH

USTAZ Ashaari Muhammad telah menulis lebih 40 tajuk buku dalam masa lebih 10 tahun kebelakangan ini. Buku-buku beliau, walaupun ditulis dengan gaya bahasa yang mudah, kebanyakannya mengemukakan perbahasan berat untuk mengubah serta membangunkan jiwa dan fikiran masyarakat. Tetapi melalui buku ini, beliau membawa perbahasan yang ringan untuk mengetuk hati pembaca.

Lahimya buku ini satu lagi bukti kepekaan Ustaz Ashaari terhadap permasalahan masyarakat hari ini, dan betapa seriusnya beliau memikirkan jalan penyelesaiannya. Dalam kesibukan berdakwah, mengadakan perhubungan di arena antarabangsa, merancang satu kebangkitan ummah dan menulis buku-buku yang berat perbahasannya, beliau masih sempat memikirkan tentang golongan pembaca yang gemarkan buku-buku berbentuk ringan.

Seperti buku-bukunya yang lain, Ustaz Ashaari melalui buku ini menyuntikkan pendekatan sufi untuk

memberi kesedaran kepada pembaca. Membaca buku ini membuatkan kita sedar dan rasa betapa manusia hakikatnya tidak memiliki apa-apa, dan dirinya pun bukan milik sesiapa kecuali menjadi milik ALLAH SWT.

Dengan perbahasannya yang ringan, buku ini diharap dapat membawa perubahan pada diri pembaca hasil perubahan hati dan fikiran; sekaligus membetul-kan aqidah dan cara berfiir pembaca supaya selaras dengan kehendak Al Quran dan Sunnah.

Penerbit

MANUSIA TIDAK MEMILIKI DAN TIDAK DIMILIKI

PRAKATA

بسم الله الرحمن الرحيم

ألحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ
بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من يهدى
الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادى له
والصلاة والسلام على رسول الله
وعلى آله وصحبه ومن تبعه ووالاه .

BUKU kecil yang dipersembahkan kepada para pembaca ini membawa perbahasan atau persoalan yang ringan, di samping buku-buku lain yang perbahasannya berat.

Ia ditulis di waktu-waktu masa berlebihan, selain daripada masa membuat ziarah, dakwah serta menulis tajuk-tajuk buku yang perbahasannya berat. Tujuannya untuk mengelakkan daripada membuang masa atau 'menganggur'. Daripada tidak berbuat apa-apa,

lebih baik masa itu diisi, kerana masa itu sangat berharga. Masa itu adalah umur kita. Jangan sampai umur itu disia-siakan.

Juga buku ini ditulis kerana merasakan agak perlu untuk memenuhi tuntutan atau kehendak sesetengah orang. Mengikut psikologi, ada sesetengah orang apabila melihat pada buku yang tebal saja, dia sudah hilang semangat untuk membaca. Lagilah kalau buku itu perbahasannya amat berat, langsung ditutupnya buku itu. "Baca di lain kalilah," kata hatinya. Atau terus tidak dibukanya sampai bila-bila masa pun. Hilang terus dorongan untuk membaca, kesan daripada perkara tadi.

Mengikut psikologi, setengah pembaca akan merasa senang dan berkemahuan membaca apabila melihat buku yang hendak dibacanya itu kecil dan nipis serta perbahasan isinya ilmiah tetapi ringan. Diharapkan buku ini dapatlah memenuhi kehendak golongan ini dan dapat memberi manfaat kepada mereka.

Aku harap ya ALLAH, buku kecil ini Kaurestui, juga Kauberkati dan pahalanya kalau ada ya ALLAH, kupersembahkan kepada syeikh tareqatku **Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi,** ibu

bapaku, guru-guruku, mereka yang pemah berjasa kepadaku dan juga untuk mereka yang pemah aku berdosa kepadanya. Dan aku harap juga wahai Tuhan, ampunkanlah dosaku jika di waktu mengarang ini ada terselit dalam hatiku tujuan-tujuan selain daripada-Mu.

Wabillahilhidayah wattaufiq.
Wassalamualaikum wr. wb.

Al hakir wal fakir,

Ashaari bin Muhammad

MUOADDIMAH

ALLAH SWT adalah Tuhan semesta alam. Yakni Dia Pencipta, Pentadbir, Pengurus dan Pengatur Yang Maha Bijaksana. Dia mencipta dan mentadbir semua jenis alam dan sekalian jenis makhluk. Kuasa cipta-Nya tanpa dibantu oleh mana-mana kuasa lain. Atau dalam kata-kata lain, Dia tidak bersekutu dengan sebarang kuasa lain untuk mencipta dan membinasakan alam ini. Bahkan seluruh penguasa di dunia, Dialah yang mencipta dan kemudian membinasakannya; menjadikan kuasa-Nya total dan mutlak.

ALLAH itu tunggal (esa). Tunggal (esa) pada zat, sifat dan perbuatan-Nya. Luas, hebat dan agungnya ciptaan ALLAH meliputi semua jenis alam dan sekalian jenis makhluk. Yakni meliputi alam lahir, alam batin, alam dunia, Alam Akhirat, Alam Malaikat, alam hayawanat dan alam jamadat.

Alam jamadat terangkum di dalamnya jenis-jenis

makhluk yang tidak bemyawa seperti langit, bumi, bulan, matahari, bintang, udara, air, gunung-ganang, bukit-bukau, kayu-kayan, laut, sungai, batu-batu, pasir dan lain-lain lagi.

Selain daripada **ALLAH** ciptakan sekalian tahun yang tersebut di atas, dicipta-Nya juga alam yang paling aneh, unik, seni dan halus iaitu **alam maknawiyah.** Apa yang terangkum dalam alam maknawiyah ialah alam ilmu, alam perasaan manusia (fitrah), daya pemikiran manusia - akal atau roh, kehendak-kehendak nafsu manusia dan binatang, daya tenaga lahir manusia dan binatang, serta daya tenaga atom, nuklear, hidro dan sebagainya.

Pentadbiran dan ciptaan ALLAH yang maha luas, hebat dan agung ini sangat teratur, tersusun; rapi dan kemas. Tidak pemah berlaku ***incident*** dan ***accident.*** Cakerawala yang dipenuhi planet-planet (matahari, bumi, bulan, bintang dan lain-lain) tidak pemah ***accident*** antara satu sama lain; berputar di atas galaksinya, terus patuh pada **ALLAH.** Semuanya milik ALLAH, dan ALLAH berhak untuk berbuat apa saja ke atas mereka.

Pergantian siang dan malam atau terang dan gelap serta terjadinya proses kejadian bayi yang berasal

dari air mani yang hina melalui proses pembesaran dalam perut ibu (daripada satu se- membentuk segumpal darah dan seterusnya jadi segumpal daging, lalu jadi janin dan akhimya lahir ke dunia) dan dari bayi menjadi remaja, dewasa, tua dan akhimya mati, adalah juga kehendak dan ciptaan ALLAH dan milik-Nya.

Seninya ciptaan ALLAH dapat dilihat sehingga tidak pemah berlaku ira jari manusia ini sama di antara satu sama lain. ALLAH membentukkan rupa dan menjadikan segala jenis makhluk tidak pemah sama walaupun serupa jenisnya. Hatta dari segi wajah, bentuk suara, bunyi, desiran dan lain-lainnya pun tidak sama. Semuanya adalah perbuatan ALLAH Yang Maha Hebat yang menjadi hak serta milik-Nya.

Tegasnya segala isi alam yakni alam lahir, alam batin, alam dunia, Alam Akhirat, alam manusia, Alam Malaikat, alam jin, alam hayawanat, alam jamadat dan alam maknawiyah adalah ciptaan ALLAH, sekaligus milik-Nya dan hak-Nya. Tidak ada satu ciptaan pun yang terkecuali hatta sezarah atom, melainkan semuanya menjadi milik ALLAH yang mutlak. Seperti firman-Nya:

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Terjemahannya: ***ALLAH-lah yang mencipta-kan kamu dan apa yang kamu buat.***

(As Saffat: 96)

Amaran Allah sebagai peringatan kepada manusia di dalam Al Quran:

إِنَّ رَبَّكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ
فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ
يَطْلُبُهُۥ حَثِيثًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ وَٱلنُّجُومَ مُسَخَّرَٰتٍۭ بِأَمْرِهِۦٓ ۗ
أَلَا لَهُ ٱلْخَلْقُ وَٱلْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ

Tejemahannya: ***Sesungguhnya Tuhan kamu ialah ALLAH yang menciptakun langit dan bumi dalam enam hari lalu Dia bersemayam di atas Arasy. Dia menutupkan malam kepada siang yangmengikuti dengan cepatdan (dicipta-Nya juga) matahari, bulan dan bintang, (masing-masing) tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, menciptakan dan memerintah hanya hak ALLAH, Maha Suci ALLAH Tuhan semesta alam.***

(Al A' rqf: 54)

Dan firman-Nya lagi:

وَٱللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَآبَّةٍ مِّن مَّآءٍ فَمِنْهُم مَّن يَمْشِى عَلَىٰ بَطْنِهِۦ
وَمِنْهُم مَّن يَمْشِى عَلَىٰ رِجْلَيْنِ وَمِنْهُم مَّن يَمْشِى عَلَىٰٓ أَرْبَعٍ
يَخْلُقُ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ

Terjemahannya: ***Dan ALLAH telah mencipta-kan semua jenis haiwan dari air. Maka sebahagian dari haiwan itu ada yang berjalan dengan perut (seperti ular), dan ada pula yang berjalan dengan dua kaki, sedangkan sebahagian yang lain berjalan dengan empat kaki. ALLAH menciptakan apa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya ALLAH-lah Maha Berkuasa atas sesuatu.***

(An Nur: 45)

Kalau begitu, seluruh yang wujud ini sama ada bersifat zahir atau batin, material (maddiah) atau spiritual (rohaniah), yang bersifat nyata atau tersembunyi (maknawiyah), semuanya adalah kepunyaan dan milik ALLAH yang tunggal.

Inilah yang dimaksudkan dalam ilmu usuluddin (pelajaran aqidah), esa dalam perbuatan. Ertinya tia-

da perbuatan selain daripada perbuatan ALLAH atau tiada ciptaan kecuali ciptaan ALLAH atau tiada kepunyaan kecuali kepunyaan ALLAH.

Jadi fahamlah kita sekarang bahawa seluruh ciptaan ALLAH yakni yang meliputi seluruh alam yang tersebut tadi adalah makhluk. Makhluk ini sifatnya kena cipta, kena tadbir, hina, lemah, daif dan binasa akhirnya. Semuanya itu milik dan kepunyaan ALLAH.

Oleh itu setiap makhluk dan setiap alam ini adalah dimiliki oleh ALLAH. Mereka tidak memiliki kerana tidak ada ciptaan kepunyaan mereka. Mereka sendiri merupakan barang ciptaan yang ada 'tuan'nya yakni Tuhan Rabbul Alamin. Kalaupun pada lahimya makhluk ini ada memiliki atau mencipta, itu hanya sekadar nisbi (nisbah atau dibangsakan atau dinasabkan) semata-mata. Hakikamya, segala-galanya adalah milik Tuhannya iaitu ALLAH Tuhan pencipta mereka itu.

Benarlah apa kata ALLAH dalam Al Quran:

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Terjemahannya: ***ALLAH-lah yang menciptakan kamu dan apa yang kamu buat.***

Dan firman-Nya lagi:

وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ ٱلْأَرْضِ
وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِى مَآ ءَاتَىٰكُمْ ۗ
إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ ٱلْعِقَابِ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌۢ

Terjemahannya: *Dan Dia-lah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa darjat untuk mengujimu tentang apa yang diberi-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhan kamu amat segera menghukum dan Dia juga Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*

(Al An'am: 165)

Seterusnya firman ALLAH:

لِّلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ
وَإِن تُبْدُوا۟ مَا فِىٓ أَنفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ
يُحَاسِبْكُم بِهِ ٱللَّهُ ۖ فَيَغْفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ ۗ
وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ

Terjemahannya: *Kepunyaan ALLAH-lah segala apa yang ada di langit dan di bumi. Dan*

jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hatimu atau kamu menyembunyikannya nescaya ALLAH akan membuat perhitungan dengan kamu tentang perbuatanmu itu. Maka ALLAH mengampuni siapa yang dikehendaki Nya dan menyeksa siapa yang dikehendaki-Nya dan ALLAH Maha Kuasa atas segala sesuatu.

(Al Baqarah: 284)

Setelah kita memerhati dan meneliti betul-betul firrnan ALLAH tadi dan memahami kehendak-kehendak-Nya, apa yang dapat kita faham ialah ALLAH bermaksud menyedarkan kita manusia supaya tahu bahawa:

1. ALLAH-lah Raja Segala Raja, Yang Maha Mengumiakan keamanan, Maha Memelihara, Yang Maha Perkasa, Yang Maha Berkuasa, Yang Memiliki segala keagungan, Yang Maha Suci daripada bersekutu dengan hamba-hamba-Nya, Yang Maha Bijaksana; Dia menciptakan, mengadakan, membentukkan rupa. Segala makhluk di langit dan di bumi adalah ciptaan dan kepunyaan-Nya, bertasbih pada-Nya. Dia mengetahui yang ghaib dan nyata, lagi Pemurah dan Penyayang mengatasi kasih sayang segala kekasih yang ada di dunia ini.

2. Segala yang wujud terutama manusia, dia tidak memiliki apa-apa dan dia juga tidak dimiliki oleh sesiapa melainkan menjadi milik ALLAH. Ertinya dia tidak boleh tunduk dengan perintah sesiapa pun tapi tunduk patuhnya hanya pada ALLAH SWT Tuhan yang menciptanya itu.

Di sini fahamlah kita, ALLAH-M Pencipta yang mutlak dan Pemilik yang mutlak, dan segala makh-luk patuh dan hmduk kepada-Nya.

Bab 1

MANUSIA TIDAK MEMILIKI APA-APA

MANUSIA TIDAK MEMILIKI DAN TIDAK DIMILIKI

BETULKAH manusia yang merasakan dia memiliki itu benar-benar ia memiliki? Kerana adanya benda-benda yang ia miliki itu adalah melalui usahanya. Kalau dia tidak memiliki, apa pula buktinya? Mari bersama-sama saya untuk memecahkan persoalan-persoalan tersebut. Moga-moga diizinkan ALLAH SWT sesuai dengan tajuk yang sedang kita perkatakan ini.

Kebiasaannya dalam kehidupan kita sehari-hari, manusia selalu mengatakan, "Ini harta saya, ini kebun saya, ini estet saya, ini kenderaan saya" dan lain-lain lagi. Yang mana semua yang disebut tadi dikaitkan dengan dirinya. Menjadikan manusia-manusia tadi orang-orang yang sombong, bermegah-megah, menunjuk-nunjuk, mempamerkan kelebihan masing-masing. Sehingga sampai hati menghina orang-orang yang tidak mempunyai apa-apa. Mereka yang tidak punyai apa-apa dianggap rendah, hina, jijik, kurang

dan memalukan. Juster-u itu dipertahankan berhabis-habisan milik mereka itu hingga tidak dikorbankan ke jalan ALLAH dan tidak digunakan untuk kepentingan masyarakat.

Sekalipun manusia itu pada lahimya ada usaha-usaha yang dibuat sampai ia memiliki, dan memang usaha untuk mendapat hak milik itu dibenarkan oleh ALLAH SWT selagi dia mengikut lunas syariat, atau dengan kata lain dia mengambilnya secara halal, tapi milik manusia itu sebenamya hanya nisbi (dibangsakan) semata-mata. Hakikatnya usaha lahir itulah yang menjadikan faktor penyebab ia diizinkan ALLAH untuk memiliki, yang mana orang lain tidak boleh mencerobohinya; seperti memiliki tanah, ladang, estet, kilang, rumah, rumah sewa, kedai, kenderaan, binatang temak, emas perak, intan berlian, Wang ringgit dan sebagainya. Dan pada hakikatnya benda-benda itu bukan miliknya yang mutlak. Kenapa saya berkata begitu? Jni adalah kerana semua itu barang ciptaan ALLAH yang diberi pinjam kepada manusia buat hidup sementara di dunia yang akan binasa ini.

Sekali lagi ditegaskan, oleh kerana melalui usaha-usaha lahirlah benda-benda tadi dinisbahkan kepada milik manusia, ALLAH tidak biarkan begitu saja. ALLAH SWT datangkan pula peraturan tentang ke-

bebasan seseorang itu mempunyai hak milik masing-masing (walaupun bukan hak milik mutlak). Sekaligus ALLAH tetapkan melalui undang-undang-Nya, keselamatan manusia dan hak miliknya itu mesti dilindungi dan tidak dicerobohi Tidak ada siapa yang boleh mengganggu gugat sesuka hati tanpa izinnya. Jika berlaku juga pencerobohan, penceroboh boleh dihukum mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan oleh ALLAH.

Apa bukti yang saya katakan manusia ini tidak mempunyai atau memilii apa-apa? Buktinya, katalah benda-benda tadi, manusia rasakan atau mengaku milik atau kepunyaannya yang mutlak kerana hasil usahanya sendiri. Harta miliknya, Wang ringgit miliknya, ibadah yang banyak miliknya dan semuanya adalah miliknya. Cuba kita tanyakan kepada manusis itu:

1. Tangan yang mengusahakan sehingga dapat menghasilkan benda-benda tersebut, siapakah yang ciptakan? Bukankah tangan itu ALLAH yang ciptakan dan diberikan kepadanya?

2. Akal yang sentiasa berfikir sampai dapat menghasilkan ciptaan atau rekaan-rekaan baru, moden lagi canggih itu, siapakah yang menjadikan?

Apakah akal serta daya fikir (IQ) manusia yang menghasilkan berbagai-bagai kemajuan dan tamadun itu, manusia yang menciptanya? Bukankah Tuhannya juga yang menciptakannya dan memberi pinjam kepadanya.

3. Tanah, kebun, ladang dan estet yang dikatalcan miliknya itu, siapakah yang mencipta dan menjadikan kepingan bumi itu? Bukankah ALLAH yang menciptakan dan menjadikannya?

4. Rumah, rumah sewa, kilang dan segala bangunan yang dikatakan miliknya, bahan rumah itu siapakah yang ciptakan? Kayu, batu, kapur dan besi untuk buat rumah itu, apakah manusia yang menciptanya? atau ALLAH yang menciptanya? Bukankah semuanya itu ALLAH yang menciptanya.

5. Kenderaan yang dikatakan miliknya itu seperti kapal terbang, kapal laut, bas, kereta, motor dan lain-lain, siapa yang mencipta besi yang menjadi bahan kenderaan itu? Manusiakah atau Tuhan yang menciptanya? Otak manusia yang mereka kenderaan itu sampai terjadinya kenderaan tersebut, bukankah Tuhan juga yang menciptakannya? Getah yang menjadi sebahagian

daripada bahan kenderaan itu, siapakah yang menciptakannya? Tuhankah atau manusia?

6. Emas, perak, intan berlian yang diperebutkan oleh sesetengah orang dan sangat dibangga-banggakan oleh kaum wanita itu, siapakah yang menciptakan? Tuhankah atau manusia yang menjadikan bahan-bahan galian itu? Bukankah semuanya itu Tuhan yang menciptakannya?

Begitulah seterusnya, kalau kita bahaskan tentang benda-benda lain yang dikatakan menjadi milik manusia itu, apakah manusia yang menciptakannya? Atau Tuhan yang menciptakan? Tentulah setiap hati akan menjawab bahawa ALLAH-M yang menjadikan semua isi langit dan bumi termasuk seluruh makhluk. Dia-lah Pencipta yang mutlak. Sekaligus semua benda itu menjadi milik-Nya dan hak-Nya. Bahkan usaha-usaha manusia itu pun tertakluk kepada kuasa dan ciptaan ALLAH.

Kalaupun pada lahimya manusia itu mencipta atau membuat atau mereka sesuatu, tetapi sebenamya mereka hanya menyusun-nyusun apa yang telah sedia ada, iaitu bahan-bahan yang telah dijadikan oleh ALLAH SWT itu.

Apa kata kalau tidak ada bahan-bahan yang diciptakan oleh ALLAH itu, bolehkah manusia membuat tanah sendiri? Bolehkah manusia membuat kayu sendiri? Bolehkah manusia membuat besi sendiri? Bolehkah manusia buat getah sendiri, intan berlian dan emas perak sendiri, dan lain-lain lagi? Apakah semuanya itu manusia boleh membuatnya? Kalau bahan-bahan tadi tidak diciptakan oleh ALLAH, apakah manusia dapat membuat kereta? dapat bangunkan rumah? dapat berfikir? dapat buat segala-galanya? Tentu tidak.

Kalaulah tidak ada otak, tangan, kaki, telinga dan lain-lain yang ALLAH ciptakan itu, apakah manusia mampu menyusun bahan-bahan tersebut? Bolehkah bahan-bahan tersebut tersusun-susun dengan sendirinya jadi kereta, kapal terbang, kapal, rumah, meja, paku, hinggalah ke sekecil-kecil barang atau benda? Tanpa otak yang ALLAH jadikan, sudah tentu manusia tidak boleh berbuat apa-apa.

Perlu juga diingatkan di sini tentang sesetengah orang yang merasakan amal ibadah dan usahanya adalah miliknya. Sehingga menganggap dirinya hebat beramal, banyak Tahajjud, banyak puasa, banyak naik haji, banyak bersedekah, banyak menolong orang lain (melakukan khidmat masyarakat) dan sebagainya.

Selalu kita dengar sesetengah orang suka membual-bualkan amal ibadah mereka dengan bangganya, seperti katanya, “Saya kuat Tahajjud”, “Saya puasa tiga bulan berturut-turut”, “Saya sudah sepuluh kali naik haji”, “Dia dapat hidup tu, saya yang menanggungnya”, “Masjid ni sayalah yang bina” dan bermacam-macam lagi hingga dia rasa ujub dan riyak.

Kadang-kadang sampai menghina-hina atau memperli-perli orang lain yang tidak dapat berbuat seperti mereka. Kerana dia terasa lebih daripada orang lain. Dia rasa bahawa seluruh amalan yang dia buat itu adalah miliknya. Dia lupa amal ibadah itu adalah hadiah daripada ALLAH SWT.

Kalau begitu, mari kita tanya orang ini:

1. Anggota kepala, otak, badan, kaki dan tangan yang mengusahakan sehingga dapat menghasilkan Tahajjud, haji, puasa yang baik dan banyak itu, siapakah yang menciptakannya? Bukankah ALLAH yang menciptanya? Anggota-anggota yang berdiri, rukuk, sujud, apakah milik dia atau milik ALLAH? Mulut yang digunakan untuk berzikir itu, apakah dia yang mencipta atau Tuhan yang menciptanya?

2. Detikan hati yang mendorong tangan untuk bersedekah, menolong orang (melakukan khidmat masyarakat), siapa yang mengingatkan dan mendorongnya? Dirinya atau Tuhan yang menciptakannya?

Tentulah hati menjawab ALLAH-M yang menjadikan semuanya. Sekaligus milik-Nya. Kalaupun lahimya manusia mampu beramal banyak, beribadah banyak, tapi itu semuanya adalah hidayah dan dorongan dari ALLAH, yang tanpanya tentulah mereka tidak akan beramal dan beribadah.

Andaikata tidak ada anggota-anggota yang ALLAH ciptakan itu, bolehkah dia bertahajjud, berpuasa, sedekah, buat khidmat masyarakat dan sebagainya? Apakah semua anggota itu manusia boleh membuatnya? Kalaulah anggota-anggota itu tidak ada, alangkah malangnya manusia ini. Tanpa anggota-anggota itu manusia tidak boleh buat apa-apa. Bahkan tidak bernilai dan berharga langsung.

Untuk hal-ha1 yang berkaitan dengan alam maknawiyah pula, manusia selalu tersilap tafsir. Kerana merasakan itu juga adalah miliknya. Antaranya manusia merasakan:

1. Kedudukan, pangkat, jawatan dan kuasa adalah miliknya.
2. Cerdik, pintar, bijak, petah adalah miliknya.
3. Handal, kuat, gagah, bertenaga, sihat adalah miliknya.
4. Berilmu, berpengalaman, peka, pakar, berjaya adalah miliknya.
5. Rajin, sabar, syukur, redha, pemaaf dan lain-lain lagi adalah miliknya.

Bila itu semua dirasakan miliknya, maka disebut-sebutnya tentang kelebihannya itu; sekurang-kurangnya terlintas di hati dengan katanya, "Tak tahu ke aku ni orang yang berpangkat? Aku tangkap dan penjara nanti", "Nampaknya tidak ada yang lebih cantik, lawa, cerdik, bijak dari aku", dan bermacam-macam lagi kata-kata yang boleh membuat orang tersinggung, mar-ah, luka hati, benci serta meluat.

Sikap-sikap buruk atau perangai keji ini timbul daripada rasa ujub (hairan dengan diri sendiri), rasa riyak, sombong, ego, besar diri, iaitu nafsu jahat yang ada dalam din seseorang itu. Sehingga sanggup dia memperkecil-kecilkan orang lain, menghina-hina, memperleceh-lecehkan, memalukan dan menjatuhkan maruah orang di depan orang lain kerana dia terasa lebih daripada orang lain. Dia terasa kelebihan-ke-

lebihan itu kepunyaannya.

Sekiranya ia dipuji orang dengan kelebihan-kelebihan yang ada padanya, dia rasa bangga, hatinya berbunga, makin terasa dia seorang yang luar biasa.

Kesimpulannya, dia merasa bahawa segala kelebihan yang ada padanya itu adalah milik dan kepunyaannya. Dia lupa bahawa segala-galanya adalah nikmat dan milik ALLAH dan dihadiahkan kepadanya. Patut dia terasa malu dengan ALLAH dan bersyukur pada-Nya.

Benarkah hal-hal maknawiyah dan rohiyah yang ada pada manusia itu adalah milik mutlaknya? Kalau begitu mari kita tanya mereka itu:

1. Kuasa, pangkat, jawatan, kedudukan yang ada padanya itu milik siapa? Akal yang digunakan untuk berfikir sampai dia boleh mentadbir dan menjawat jawatan dan kedudukan yang tinggi, siapakah yang menciptakannya? Diakah atau Tuhan? Rohnya yang menggerakkan anggota-anggotanya hingga jadi cukup bertenaga dan akhirnya mendorong dia jadi berkuasa itu, siapakah yang menjadikannya? Dia atau Tuhankah yang menjadikannya?

2. Kecerdikan, kepintaran, kepetahan yang dikatakan miliknya itu, siapakah yang jadikan? ALLAH-kah atau dia yang menjadikan?

3. Handal, kuat, gagah, bertenaga dan sihat yang dikatakan miliknya itu, siapakah yang menjadikannya? Tuhan atau diakah?

4. Berilmu, berpengalaman, peka, pakar, berjaya yang dikatakan miliknya itu, siapakah yang menjadikan ilmu itu Tuhankah atau dia sendiri? Siapa yang memberi ia umur panjang dan lama hidup? Tuhankah atau dia sendiri? Sensitif dan perasa yang ada pada deria lidah, mata, telinga, hidung dan kulit yang menjadikan ia peka itu, siapakah yang menjadikannya? Diakah atau Tuhan?

5. Rajin, sabar, syukur, redha yang dirasakan miliknya itu, dari mana datangnya tangan dan anggota yang rajin itu? Tuhankah atau dia? Dia dapat bersabar, bersyukur dan redha itu, siapakah yang jadikan hatinya itu? Tuhankah atau dia?

Hati setiap orang akan menjawab dengan sendirinya, ALLAH-lah yang menjadikannya. Kalaupun

pada lahimya manusia itu cerdik, pintar, bijak, petah, handal, kuat, gagah, bertenaga, sihat, berilmu, berpengalaman, peka, pakar, berjaya, rajin, sabar, redha, syukur, pemaaf dan lain-lain lagi, itu adalah nisbi atau nisbah atau dibangsakan semata-mata. Sebenarnya ia tetap menggtmakan akal, ilmu, tenaga dan lain-lain anggota maknawiyah yang telah sedia ALLAH jadikan.

Apakata seandainya ALLAH tidak berikan apa-apa kepadanya. ALLAH tidak beri roh (nyawa), akal, ilmu, tenaga; sudah tentu tidak punya erti apa-apa lagi. ALLAH tarik roh, ertinya manusia akan jadi mayat yang tidak berguna lagi, bahkan menyusahkan orang yang hidup menguruskannya. ALLAH tarik ilmu, manusia jadi bodoh; ALLAH tarik tenaga, manusia akan lumpuh. ALLAH tarik deria mata, manusia jadi buta; ALLAH tarik deria telinga, manusia jadi pekak. ALLAH tarik satu urat sahaja, manusia jadi cacat. Begitulah seterusnya yang menunjukkan semua yang ada pada manusia itu adalah milik ALLAH yang mutlak. Untuk orang-orang ini sudah pun ALLAH ingatkan dengan amaran-amaran keras melalui fir-man-Nya:

وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ ٱلْأَرْضِ

وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِى مَآ ءَاتَىٰكُمْ

إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ ٱلْعِقَابِ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌۢ

Terjemahannya: ***Dan Dia-lah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan kamu atas sebahagian yang lain beberapa darjat untuk mengujimu tentang apa yang diberikun-Nya*** kepadamu. ***Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat seksaan-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.***

(Al An'am 165)

ALLAH juga memberi ***warning*** kepada orang yang suka melahirkan apa yang ada dalam hatinya. Firman-Nya:

لِّلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ
وَإِن تُبْدُوا۟ مَا فِىٓ أَنفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ
يُحَاسِبْكُم بِهِ ٱللَّهُ ۖ فَيَغْفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ ۗ
وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ

Terjemahannya: ***Kepunyaan ALLAH-lah segala apa yang ada di langit dan di bumi. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hatimu atau kamu menyembunyikunnya nescaya ALLAH akan membuat perhitungan***

dengan kamu tentang perbuatanmu itu. Maka ALLAH mengampuni siapa yang dikehendaki-Nya dan menyeksa siapa yang dikehendaki-Nya dan ALLAH Maha Kuasa atas segala sesuatu.

(Al Baqarah: 284)

Jadi nampaklah sekarang ini oleh mata lahir dan mata batin (hati) kita bahawa segala yang lahir dan yang batin semuanya ciptaan ALLAH, bukan ciptaan manusia. Ertinya ia hak milik ALLAH yang mutlak yang hanya diberi pinjam kepada manusia mengikut ketentuan di azali lagi. Kemudian ianya diagih-agih mengikut kehendak-kehendak-Nya sebagai amanah-Nya agar dapat dijadikan alat oleh manusia untuk memudahkannya mengerjakan perintah ALLAH SWT. Itulah tujuan sebenar nikmat-nikmat itu diberi oleh ALLAH kepada manusia.

Bila-bila masa sahaja ALLAH boleh mengambilnya balik dari manusia atau boleh mengekalkannya. ALLAH beri benda-benda tersebut dan lain-lain lagi dengan tujuan supaya semuanya itu digunakan kepada apa yang diredhai oleh ALLAH sahaja. Kerana semila itu ciptaan-Nya dan kepunyaan-Nya. Kita tidak boleh menggunakannya sesuka hati.

Oleh itu jelaslah bahawa bila manusia dikatakan memiliki itu dan ini, ianya hanya merupakan nisbi (dibangsakan) semata-mata. Bukan secara mutlak. Hakikat sebenarnya manusia ini tidak punya apa-apa. Kerana pada hakikatnya barang itu bukan milik manusia, maka ia tidak boleh menggunakannya sesuka hati, tapi tertakluk kepada kehendak-kehendak dan peraturan-peraturan yang ALLAH telah tetapkan. Kalau manusia ini menyalahgunakan barang kepunyaan ALLAH itu, sewaktu ALLAH menjemput nanti mereka akan ditanya, cara mana ia mendapatkan barang-barang itu dan ke mana ia digunakan.

Kalau begitulah hakikatnya, ertinya apa yang ada pada manusia ini adalah pinjaman ALLAH. Mana boleh dibangga-banggakan dan mana boleh manusia bermegah-megah dan sombong dengan benda-benda tersebut. Juga mana boleh manusia menggunakannya sesuka hati tanpa mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh ALLAH yang mencipta dan memiliki barang-barang itu.

Kalau manusia tidak menggunakan ciptaan dan milik ALLAH yang ada padanya itu untuk ALLAH dan apa yang diperintahkan ALLAH maka mereka dianggap kufur dengan nikmat. Risikonya terimalah nanti balasan ALLAH di Akhirat dengan Neraka.

Wal'iyazubillah. Begitulah amaran ALLAH dalam ayat:

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ
وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Terjemahannya: Sesungguhnya jika kumu bersyukur *(di atas nikmat)* ***nescaya Kami akan tambah lagi*** *kepada kamu. Dan* jiku *kamu kufur* ***(kufur nikmat) sesungguhnya azab-Ku amat pedih (yang bersangatan).***

(Ibrahim: 7)

MANUSIA TIDAK MEMILIKI DAN AK DIMILIKI

Bab 2

M A N U S I A TIDAK DIMILIKI

SEBELUM ini telah pun kita huraikan dengan panjang lebar tentang manusia itu tidak memiliki apa-apa. Di sini kita akan memperkatakan pula tentang manusia juga tidak dimiliki oleh sesiapa jua kecuali milik ALLAH yang mutlak.

Apakah hujahnya manusia itu tidak dimiliki, sedangkan dalam kehidupan sehari-hari kita rasa dimiliki; sekurang-kurangnya milik majikan, boss pejabat kita, milik ibu bapa kita, milik suami kita? Hujahnya ialah:

Pertama:
Manusia adalah makhluk ciptaan ALLAH sama seperti yang lain juga. Cuma berbezanya manusia atau lebih menonjolnya manusia itu daripada makhluk yang lain ialah pada roh dan akalnya sahaja. Adanya roh dan akal itulah yang menjadikan manusia makhluk yang mukalaf, yang dipertanggungjawabkan dengan syariat. Iaitu mesti tunduk dan patuh pada

peraturan-peraturan ALLAH. Kerana ia adalah milik ALLAH dan merupakan hamba-Nya.

Kedua:
Manusia lain juga adalah ciptaan ALLAH. Oleh kerana manusia itu sama-sama ciptaan ALLAH, bukan ciptaan mana-mana makhluk lain, maka tidak berhak dia merasakan manusia lain lebih daripadanya dan berkuasa ke atasnya.

Jadi apa yang dikehendaki dalam ajaran Islam ialah kalau ada manusia merasa dia berkuasa, namun:

1. Jangan ada pula manusia yang merasakan dirinya dikuasai atau dimiliki sehingga rela menghambakan dirinya pada manusia-manusia lain. Yakni rela tunduk dan patuh dengan peraturan-peraturan atau isme-isme ciptaan manusia lain itu.

2. Jangan pula mengikat dirinya dengan peraturan-peraturan atau isme-isme ciptaan manusia itu kerana isme-isme itu sangat bercanggah dengan peraturan ALLAH.

Perlu juga diingatkan di sini bahawa manusia boleh tunduk dan patuh kepada manusia lain (mungkin ketuanya atau pemimpinnya, suaminya, ibu ayah-

nya dan lain-lain lagi) selagi mereka masih taat pada ALLAH. Kepatuhannya itu pada hakikatnya dikaitkan dengan kepatuhannya kepada ALLAH. Kalau bukan kerana alasan di atas, sekali-kali tidak boleh manusia itu taat pada manusia yang lain, sesuai dengan Hadis:

لاَ طَاعَةَ لِمَخْلُوْقٍ فِى مَعْصِيَةِ الخَالِقِ

Terjemahannya: ***Tidak boleh taat pada sebarang makhluk yang menderhakai ALLAH.***

Ditegaskan sekali lagi bahawa manusia tidak boleh tunduk dan patuh pada manusia lain kecuali kalau ia patuh kepada ALLAH kerana manusia semuanya ciptaan ALLAH yang sekaligus menjadi milik atau hak atau kepunyaan ALLAH. Ertinya mereka hamba kepada ALLAH. Kalau begitu, tidak berhak sebarang makhluk membuat peraturan-peratur an serta memperhambakan manusia lain untuk kepentingan dirinya. Kemudian menyuruh atau memaksa manusia lain mengikut peraturan-peraturannya yang bercanggah dengan peraturan ALLAH itu.

Hanya ALLAH saja yang berhak membuat peraturan ke atas manusia. Kerana manusia itu adalah ciptaan-Nya dan hamba-Nya. Jadi manusia tidak berhak membuat peraturan-peraturan untuk sesama manusia kerana mereka itu sama-sama makhluk dan

hamba ALLAH, yang sepatutnya merasa sama-sama terikat dengan peraturan ALLAH.

Mereka dianggap derhaka kepada ALLAH kerana membuat peraturan mereka sendiri ke atas manusia yang lain. Mereka yang tunduk dengan peraturan-peraturan bikinan manusia itu juga dianggap derhaka. Kerana mereka antara satu sama lam adalah setaraf, yakni sama-sama barang ciptaan ALLAH, yang semua sekali patut menerima peraturan dari Khalik-nya.

Inilab yang dikatakan manusia itu tidak memiliki apa-apa. Juga pada hakikatnya tidak dimiliki oleh sesiapa. Kalau begitu, jika manusia itu sedar hakikat ini, manusia patut merasakan dirinya bebas dan merdeka dari sebarang makhluk dan sebarang peraturan ciptaan manusia.

Alhasil jadilah dia manusia yang tidak terikat dengan sebarang peraturan yang dibuat oleh makhluk. Dia tidak rasa terhina dengan makhluk, dan tidak menyerab diri dengan makbluk. Kecuali merasakan tidak ada kebebasan dari ALLAH kerana mereka ciptaan atau milik ALLAH, serta di dalam kekuasa-an-Nya.

Orang yang sanggup memaksa orang lain tunduk

dan patuh dengannya serta dengan peraturan-peraturan atau isme-isme ciptaannya sehingga mentuhankan dirinya, di waktu itu dia jatuh syirik kerana menyetarafkan dia dengan Tuhan sama ada dia sedar atau tidak.

Begitu juga sebaliknya. Yakni bila manusia itu sanggup tunduk dan patuh dengan peraturan-peraturan atau isme-isme yang dibuat oleh manusia lain seperti komunisme, kapitalisme, nasionalisme dan lain-lain isme ciptaan akal, yang sangat jelas bercanggah dengan peraturan Tuhan, mereka juga dianggap syirik. Keyakinan hatinya pada isme-isme atau peraturan manusia, kemudian dilahirkan pula dengan sikap yakni sanggup menghambakan dirinya pada makhluk, bukan kepada Khalik, itu seolah-olah telah mentuhankan makhluk.

Inilah di antara perbuatan syirik yang berlaku di akhir zaman. Di mana kebanyakan manusia, termasuklah ulama, sudah tidak sedar lagi yang perbuatan ini adalah syirik. Isme-isme dan ideologi inilah yang sebenarnya 'tareqat moden' yang sesat.

Kedua-dua golongan ini yakni golongan yang menghambakan manusia lain (mentuhankan diri) dan golongan yang menghambakan diri pada manusia lain

(mentuhankan makhluk), sekiranya tidak bertaubat, semuanya masuk Neraka ALLAH SWT. Wal'iyazubillah.

Oleh sebab itu, jadilah kita manusia-manusia yang tidak merasa memiliki dan tidak merasa dimiliki. Hati merasakan apa yang dimiliki adalah milik ALLAH. Bila manusia sudah sampai ke tahap ini, iaitu hati merasa tidak memiliki dan tidak dimiliki lagi, bermakna manusia ini telah membebaskan dirinya dari sebarang makhluk. Golongan inilah yang dikatakan golongan bertaqwa.

MANUSIA TIDAK MEMILIKI DAN TIDAK DIMILIKI

Bab 3

JIKA MANUSIA MERASA MEMILIKI

SEBELUM ini kita telah nyatakan, segala-gala yang ada pada manusia ini adalah ciptaan ALLAH; sekaligus kepunyaan atau milik atau hak-Nya. ALLAH SWT menganugerahkannya kepada manusia sebagai amanah dari-Nya untuk digunakan mengikut kehendak dan keredhaan-Nya. la dianggap milik manusia pada lahimya saja. Hakikat sebenamya nisbi semata-mata. Ertinya bukan milik mutlaknya. Semuanya diberi untuk menguji manusia, sepertimana firman ALLAH:

إِنَّمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَأَوْلَٰدُكُمْ فِتْنَةٌ

Terjemahannya: ***Sesungguhnya harta kamu dan anak-anak kamu itu adalah ujian.***

(At Taghabun: 15)

Tapi hakikat yang berlaku hari ini, manusia susah untuk mengaku apa yang ada padanya bukan miliknya. Yang terasa di hati ialah, itu memang miliknya.

Apa akan terjadi kalau manusia merasa segala-gala yang ada padanya adalah miliknya yang mutlak, baik yang lahir (material) mahupun yang batin (maknawiyah)?

Kalau berlaku demikian (memang lumrahnya begitulah yang berlaku) iaitu bila setiap benda yang ada pada manusia sama ada lahir (material) mahupun batin (maknawiyah), manusia dengan sepenuh hati merasakan miliknya yang mutlak, tidak terasa sedikit pun itu adalah ciptaan dan milik Tuhannya, maka muka bumi ini akan dipenuhi dengan manusia-manusia yang tidak terkawal sifat mazmumahnya. Yakni sanggup berkelakuan keji dan berfikiran negatif.

Jika sifat tersebut dikekalkan, maka yang akan berlaku ialah:

Pertama: Manusia akan rasa sayang dan bakhil dengan apa yang ada pada dirinya.

Bila rasa itu sudah bertunjang di hati, jadilah dia orang yang kedekut untuk berkorban. Apa yang ALLAH perintahkan, dia tidak akan taati. Untuk keluarkan zakat, terasa berat. Apatah lagi untuk bersedekah; bertambah sempit rasa di dada. Hilang bahagia bila ada orang datang meminta-minta. Hilang

ketenangan bila ingatkan harta atau Wang ringgit akan susut atau hilang dicuri atau dirompak, dan lain-lain lagi.

Rasa sayang, bakhil dan kedekut dengan harta itu telah mendorong dia untuk lebih suka menyimpan dan menompok-nompok hananya daripada membelanja-kannya pada jalan ALLAH. Hatta untuk digunakan pada peribadinya sendiri pun, si kedekut ini tetap kedekut yakni bakhil pada diri sendiri. Untuk orang-orang ini ada amaran dari ALLAH. Firman-Nya:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ

وَلَا يُنفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Terjemahannya: ***Mereka yang menokok-nokok harta dan tidak berbelanja ke jalan ALLAH, berilah khabar gembira kepada mereka itu dengan azab yang maha pedih.***

(At Taubah: 34)

Perbelanjaan yang dibuat hanya untuk memuas-kan hawa nafsunya saja. Dihabiskan di meja-meja judi, untuk berfoya-foya, berhibur dengan perempuan yang bukan muhramnya, untuk bermewah-mewah, bermegah-megah, digunakan pada perkara yang tidak perlu, meminum minuman keras, merokok dan se-bagainya.

Kedua: Manusia akan rasa tamak dengan benda-benda itu.

Rasa tamak dengan benda-benda yang sesuai dengan nafsunya mendorong dia untuk mengambil apa yang ada pada orang lain. Selagi belum dapat apa yang dikehendakinya, dia akan usahakan sedaya upaya yang mungkin, mengikut cara mana sekalipun, walaupun bertentangan dengan kehendak ALLAH. Bahkan timbul rasa dengki dengan kelebihan yang ada pada orang lain. Dia akan gembira kalau apa yang ada pada orang lain itu jatuh ke tangannya. Milik orang itu, tidak dirasakan milik ALLAH yang direzekikan pada orang tersebut. Sebab itu seboleh-bolehnya dia ingin merampasnya. Amat seksa hatinya selagi belum dapat apa yang dicita-citakannya itu.

Ketiga: Dia akan rasa sombong dan megah dengan anugerah Tuhan.

Sikap ini menyebabkan ramai orang yang tersinggung, kecil hati, luka hati, marah dan dendam dengannya. Hingga akhimya ramai yang tidak tahan bergaul dengannya, langsung menjauhkan diri darinya. Untuk dekati golongan ini, orang terasa bimbang, takut, cemas, kecut dan gerun. Sebab bila-bila masa saja akan disergah dan diperhina-hina olehnya. Kesan-

nya akan hilanglah kasih sayang dan berkecailah ukhuwah. Inilah di antara penyakit masyarakat yang berlaku sekarang.

Keempat: Seseorang itu akan memandang hina pada orang lain yang tidak memiliki apa-apa atau kurang berada.

Dia merasa dirinya orang istimewa -top man. Lantaran itu dia tidak akan sanggup bergaul dengan orang lam yang dianggap hina, jijik dan memalukan itu. Dengan sikapnya yang memandang hina pada orang yang tidak punyai apa-apa atau kurang (harta) atau tidak berada, miskin apatah lagi papa itu, orang jadi sakit hati dan benci dengannya. Ertinya golongdn miskin membenci golongan berada. Akhimya timbullah satu lagi penyakit masyarakat iaitu penyakit kasta-kasta dalam hidup.

Kalaupun mereka bergaul dengan golongan miskin papa, itu semata-mata strategi untuk jaga imej atau kedudukan. Bukannya dari hati yang ikhlas untuk membantu golongan tersebut. Bahkan yang sering berlaku, golongan inilah yang selalu mengambil kesempatan, meniti di atas tenaga-tenaga golongan yang miskin, untuk menjadi kaya. Jadilah yang kaya bertambah kaya sedangkan yang miskin makin miskin.

Ini satu lagi penyakit masyarakat yang perlu dibasmi. Yang mana ia merupakan buah daripada manusia merasa ia memiliki.

Ekoran dari penghinaan golongan berada itu, akan lahir pula satu penyakit masyarakat yang lain iaitu golongan yang dihina akan berdendam dan mungkin akan membunuh orang yang menghinanya. Maka bertambahlah lagi penyakit masyarakat.

Tetapi golongan yang menganggap dirinya ***superman*** tadi, kerana kepentingan peribadi, akan muncul sekali-sekala di tengah masyarakat. Beriagak sebagai pejuang-pejuang bangsa, agama dan tanahair dengan melaung-laungkan: "Mari kita bersatu padu, jangan berpecah-belah, mari kita hidup aman damai, berkasih sayang, berukhuwah dan saling bertolong bantu'" dan lain-lain lagi.

Ini yang dikatakan cakap tidak serupa bikin. Yang sebenamya merekalah lanun-lanun atau perompak-perompak kepada masyarakat, yang berlakon sebagai pembela. Golongan inilah yang disebut di dalam Al Quran:

يَقُولُونَ بِأَفْوَٰهِهِم مَّا لَيْسَ فِى قُلُوبِهِمْ

Terjemahamnya: ***Apa yang dicakap di mulut mereka tidak sama dengan apa yang ada di hati mereka....***

(Al Imran: 167)

Setelah dikaji, inilah perkara-perkara yang timbul kesan daripada manusia tidak merasa apa yang ada pada mereka itu milik ALLAH. Akhimya mereka tidak mahu berkorban untuk ALLAH. Mereka salah-gunakan nikmat ALLAH. Pangkat, kedudukan, jawatan dan kuasa dijadikan alat untuk lebih derhaka lagi pada Khaliknya itu.

ALLAH tidak akan biarkan mereka begitu saja tanpa diadili. ALLAH itu Maha Adil. ALLAH hukum mereka di dunia lagi sebelum di Akhirat yang kekal abadi. ALLAH cukup bijak dalam bertindak. ALLAH akan hancur-hancurkan mereka secara mereka tidak sedar.

Berpunca daripada sifat mazmumah yang ada pada mereka sendiri yakni sombong, riyak, ujub, ego, tamak, gila dunia, gila pangkat, gila puji, hasad dengki, pemarah dan lain-lain lagi, mungkin ALLAH laga-lagakan sesama mereka hingga berlakulah krisis sesama sendiri. Orang yang tidak berpunya jadi bertambah benci dan geram kepada golongan berada. Krisis

politik menjadi-jadi dan menyusahkan semua orang atau semua pihak. Aiiibatnya masyarakat tambah huru-hara. Boleh jadi juga ALLAH akan rosakkan mereka dengan bencana alam seperti gempa, air bah, angin taufan, kebakaran, peperangan dan sebagainya. Atau ALLAH pecah-belahkan dan hancurkan mereka sesama sendiri. Keadaan beginilah yang diisyaratkan oleh ALLAH dengan firman-Nya:

وَإِذَآ أَرَدْنَآ أَن نُّهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا۟
فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا ٱلْقَوْلُ فَدَمَّرْنَٰهَا تَدْمِيرًا

Terjemahannya: ***Apabila Kami hendak membinasakan satu negeri, bangsa atau satu kaum maka Kami binasakan dengan didatangkan golongan yang mewah. Lantas mereka itu membuat tidak senonoh di dalamnya. Maka patutlah (ketika itu) perintah ALLAH ke atas mereka lalu Kami hancurkan mereka sehancur-hancurnya.***

(Al Isra: 16)

Kelima: Manusia akan menyalahgunakan nikmat ALLAH.

Segala nikmat dirasakan miliknya. Kerana itu dia

salahgunakan nikmat ALLAH itu; mungkin untuk berfoya-foya, bermegah-megah, membuat sebanyak-banyaknya maksiat dan kemungkaran. Selalunya ALLAH tidak biarkan lama. Nikmat itu akan ditarik-Nya.

Keenam: Bila seseorang itu merasa apa yang ada padanya itu miliknya, dia akan susah hati dan tidak redha jika satu masa ALLAH ambil semula apa yang ada padanya itu.

Mungkin melalui bencana alam, gempa bumi, kebakaran, banjir, angin taufan, kemalangan, kecurian atau kerosakan dan lain-lain lagi. Hatinya sangat derita dan kecewa dengan kejadian itu. Bahkan setengah-setengah mereka jadi gila kerana merasakan semua yang diambil balik oleh ALLAH itu adalah hak dan miliknya. Tapi bagi orang Mukmin, apabila segala yang ada padanya itu hilang atau binasa, dia tahu segala-galanya itu adalah milik ALLAH, lantas dia akan menyebut: إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُوْنَ

Tetapi bagi orang yang rasa memiliki, dia akan marah-marah, bersungut-sungut, menampar-nampar dada dan meradang. Bahkan ada sesetengahnya hilang pertimbangan hingga Tuhan pun dimakinya. Alangkah biadabnya. Kenapa jadi begitu? Sedangkan

peristiwa ini, jika ditamsilkan samalah dengan orang yang menyimpankan barangnya pada kita, kemudian kita rasa barang itu kita yang punya. Adakah munasabah bila barang tersebut diminta balik, kita pertahankan sungguh-sungguh kerana kita rasa, kita yang punya. Kita sudah sayang pada benda tersebut. Kita tidak mahu menyerahkan kepada empunyanya. Adakah munasabah kalau orang itu ambil balik, kita marah-marah, maki-hamun dan merasa tidak senang? Sepatutnya bila disimpankannya barang itu pada kita, kita jaga dengan baik tapi bila dimintanya semula, kita serahkan kembali dengan senang hati. Bahkan rasa terlepas dari tanggungjawab menjaga harta orang. Lebih-lebih lagi menjaga amanah ALLAH. Apabila diambil balik oleh ALLAH benda-benda tersebut, sepatutnya kita rasa lapang dada kerana tidak terbeban lagi untuk menjaganya.

Ketujuh: Manusia rasa terangkat dan berbunga di hati bila dipuji, sedangkan bila dikeji dia rasa terhina.

Setiap orang yang merasa memiliki, akan berbangga bila dipuji. Kelebihan-kelebihan yang ada padanya dirasakan miliknya dan usahanya. Kadang-kadang dia berkehendak atau sangat berharap ada orang memujinya. Dia rasa patut dipuji. Bila dipuji dia rasa

puas. Dia sudah berbuat sesuatu yang istimewa hasil usahanya sendiri. Dia rasa senang hati, tenang dan seronok. Dia rasa memang patut dipuji kerana dia merasa dirinya lebih daripada orang lain. Tidak ada langsung rasa syukur pada ALLAH di atas pemberian dari-Nya. Dia rasa dialah yang mengusahakannya tanpa pemberian dari ALLAH.

Dia tidak rasa sedikit pun itu semua adalah milik ALLAH. Dia rasa itulah miliknya. Sebab itu bila dia dikeji, dirasakan sempit dadanya. Timbul geram dan dendam pada orang yang mengejinya kerana dirasakan tidak patut. Apa yang terfikir olehnya ialah ia seorang yang istimewa dan sempuma; mampu berbuat itu dan ini serta mampu memiliki segala-galanya. ALLAH ingatkan orang ini dengan firman-Nya,

فَإِذَا مَسَّ ٱلْإِنسَـٰنَ ضُرٌّ دَعَانَا ثُمَّ إِذَا خَوَّلْنَـٰهُ نِعْمَةً مِّنَّا قَالَ
إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلْمٍۭ ۚ بَلْ هِىَ فِتْنَةٌ وَلَـٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

Terjemahannya: ***Maka apabila manusia ditimpa bahaya ia menyeru Kami, kemudian apabila Kami berikan kepadanya nikmat dari Kami ia berkata: 'Sesungguhnya aku diberi nikmat itu hanyalah kerana kepintaranku". Sebenarnya itu adalah ujian, tetapi kebanyakan mereka itu tidak mengetahui.***

(Az Zumar: 49)

Bab 4

RISIKO MANUSIA MERASA DIMILIKI

APA akan jadi jika manusia rasa dimiliki? Apakah risikonya ke atas manusia dan juga masyarakatnya? Kesan ini sangat mencorak individu itu, sekaligus mencorak masyarakatnya. Bagaimana seharusnya mereka bertindak?

Kita telah pun bahaskan sebelum ini tentang keadaan manusia yang merasa dia dimiliki iaitu ia merasa dirinya milik majikan, milik tuan yang memeliharanya, milik pemerintah yang menguasainya, milik boss pejabat tempat kerjanya atau di bawah pentadbirannya. Hingga dia rasa takut kepada orang-orang atau tuan-tuan tersebut. Ertinya dia takut dengan makhluk dan kuasa-kuasa makhluk. Sehinggakan ketaatan yang diberikan adalah secara melulu pada selain ALLAH itu.

Alhasil dia akan terima arahan-arahan atau peraturan dari makhluk dengan cara melulu. Walaupun

dia tahu hakikatnya bercanggah dengan arahan-arahan atau peraturan-peraturan ALLAH. Kuasa veto (mutlak) dirasakan ada pada makhluk tersebut. ALLAH padanya tidak dipedulikan. Rasa ada tapi macam tidak ada. Dia teringatkan ALLAH hanya di waktu-waktu gawat sahaja. Di waktu-waktu lain di dalam kehidupannya dia tidak perlukan ALLAH dan melupakan-Nya sebagai tempat perlindungan dan pergantungan.

Dirasakan untuk apa dia bergantung dengan ALLAH sedangkan untuk hidup dia rasa sudah cukup segala-galanya. Semuanya dapat diberi oleh makhluk. Maka jadilah hidupnya bergantung dengan makhluk sehingga sanggup memperhambakan dirinya kepada makhluk. Maka terlindunglah ALLAH oleh makhluk tadi yang dirasakannya boleh memberi sesuatu kepadanya.

Ini memberi erti, dia membenarkan atau merelakan dirinya diperhambakan oleh makhluk dan kuasanya. Yakni memperhambakan diri kepada selain daripada Khaliknya, bukan memperhambakan diri kepada ALLAH. Sikap ini merupakan satu kesilapan atau kesalahan yang amat besar. Kesanggupannya untuk mempertuhankan makhluk dari segi sikap itu satu salah besar. Walaupun ia tidak menyatakan makhluk

itu Tuhan tetapi seperti yang kita bahaskan sebelum ini, manusia itu barang ciptaan Tuhan. Ertinya ia milik Tuhan. Sikapnya yang membesarkan makhluk lebih daripada ALLAH menyebabkan ia jatuh syirik.

Mana boleh seorang hamba atau makhluk memperhambakan dirinya pada makhluk lain yang sama-sama dicipta ALLAH? Sedangkan mereka ini sebenarnya setaraf. Apa yang dibolehkan hanyalah, .mereka patuh kepada manusia lain selama mana manusia yang ia patuhi itu dapat mematuhi perintah ALLAH. Hakikat sebenamya ia patuh pada ALLAH dan Rasul, bukan mematuhi manusia tersebut.

Kalaulah didapati dalam kehidupan ini, manusia tempat diberikan ketaatan (pemimpin, ibu ayah, suami dan lam-lain lagi) itu tidak lagi taat kepada ALLAH dan Rasul, maka orang tersebut tidak boleh lagi ditaati. Kalau ada yang patuh juga kepada mereka, bererti ia tidak patuh lagi pada ALLAH dan Rasul. Secara tidak langstmg ini bererti ia memperhambakan dirinya pada makhluk. Kenapa? Ya, kerana ia merasa ada kuasa makhluk yang lebih besar daripada ALLAH SWT. Untuk ini Rasulullah ada berpesan:

لَا طَاعَةَ لِمَخْلُوقٍ فِى مَعْصِيَةِ الخَالِقِ

Terjemahannya: ***Tidak boleh taat pada sebarang makhluk yang derhaka pada ALLAH.***

Bukan mudah untuk membelakangi makhluk yang dianggap berkuasa selama ini. Hingga tetaplah mereka ini tidak berpaling daripadanya. Ertinya tetap mematuhinya.

Jadi apakah kesannya bila manusia tetap patuh kepada kuasa makhluk itu? Apakah kesannya pada diri dan masyarakat?

Kesan yang berlaku bilamana manusia patuh kepada kuasa makhluk ialah dia telah hilang kebebasan dan kemerdekaan diri. Ia sentiasa rasa terikat dengan makhluk lain yang dirasa memiliki kuasa itu. Sehingga dia selalu diburu ketakutan. Hendak buat apa saja dirasalcan ada tuannya yang sedang perhati. Akibatnya dia rasa ***inferiority complex*** atau rasa hina dengan makhluk dan kuasanya. Malanglah kalau terjadi demikian; hilanglah kemerdekaan diri.

Kalau begitu tidak sepatutnya manusia itu taat dan patuh pada kuasa makhluk yang maha lemah dan akan binasa ini. Lebih-lebih lagilah tidak patut untuk memperhambakan diri pada makhluk dan kuasanya.

Sudahlah perbuatan dan sikap itu boleh membawa kepada syirik, yang paling parahnya dia telah menanggung akibat untuk seterusnya menjadi hamba abdi yang sudah hilang kebebasan dan kemerdekaan dirinya. Dan selama-lamanya menghinakan dirinya pada sesama makhluk. Maka lahirlah hamba-hamba abdi dalam masyarakat. Juga lahirlah kehidupan berkasta-kasta dan berkelas. Apabila mati terjun pula ke Neraka.

Oleh itu setiap manusia mestilah mempertahankan harga diri dan maruahnya serta hak-hak dirinya sesuai dengan kehendak ALLAH. Dengan itu dia akan benar-benar jadi manusia yang bebas dan merdeka. Tidak terikat dengan mana-mana makhluk dan kuasanya. Sepatutnya dia hanya terikat dengan ALLAH, tidak boleh rasa bebas dan merdeka daripada genggaman ALLAH yang menciptanya.

Oleh itu kalaulah berlaku dalam kehidupan kita sehari-hari, manusia selalu menyebut-nyebut, "Saya ni milik boss atau majikan atau tuan yang memelihara saya", "Saya ni milik pemerintah", bagaimanakah kedudukannya? Jawapannya tentulah dia mesti rasa bahawa kuasa makhluk itu hanya nisbi atau dibangsakan semata-mata, bukan kuasa mutlak. Jadi selagi boss atau majikan dan lain-lain lagi itu mentaati

ALLAH dan peraturan-peraturan-Nya, bolehlah mereka ditaati. Tetapi tidak boleh taat kepada mereka sekiranya mereka itu derhaka pada ALLAH SWT. Kerana kita hanya boleh taat kepada omng-orang yang taat kepada ALLAH SWT. Ketaatan kita itu kerana ketaatan mereka kepada ALLAH.

MANUSIA TIDAK MEMILIKI DAN TIDAK DIMILIKI

Bab 5

ORANG MUKMIN TIDAK MEMILIKI DAN DIMILIKI

MANUSIA TIDAK MEMILIKI DAN TIDAK DIMILIKI

PADA saat ini adakah anda masih rasa memiliki atau dimiliki? Atau rasa kedua-duanya sekali? Pada kebanyakan manusia di dunia hari ini, mereka tetap merasa memiliki dan di satu pihak lagi mereka merasa dimiliki oleh kuasa-kuasa makhluk. Walaupun pada hakikatnya mereka sendiri sedar yang seluruh makhluk termasuk manusia adalah ciptaan ALLAH dan kepunyaan-Nya.

Mereka juga tidak merasa segala apa yang ada pada mereka itu adalah milik ALLAH. Hatta tidak terasa pun yang mereka itu dimiliki oleh ALLAH. Bahkan mereka merasakan ada kuasa-kuasa lain selain ALLAH yang memiliki diri mereka itu. Sebab itulah mereka lebih tunduk kepada manusia dan peraturan-peraturannya atau isme-isme bikinan manusia daripada tunduk kepada ALLAH dan peraturan-peraturan ALLAH, kecuali bagi orang Mukmin yang sejati.

Macam mana sikap orang Mukmin yang sejati terhadap dunia yang ada di hadapannya? Bagaimana mereka kendalikan? Orang Mukmin yang sejati itu bila berhadapan dengan setiap benda yang ada padanya, terasa benar di hatinya bahawa itu adalah ciptaan ALLAH dan hak ALLAH yang mutlak. Hatta dirinya sendiri pun dia terasa benar ciptaan ALLAH dan milik-Nya.

Apa saja yang ada padanya baik yang berbentuk lahir atau batin, yang berbentuk material atau berbentuk maknawiyah, yang berbentuk dunia atau yang berbentuk amalan Akhirat, nyata atau ghaib, hayawanat dan jamadat, semuanya adalah ciptaan ALLAH dan segalanya milik atau kepunyaan ALLAH SWT. Manusia hanya diberi amanah untuk menjaganya buat sementara waktu. Pada mereka ini, terasa segalanya itu amanah daripada ALLAH, lantas sangat dihargai dan dijaga dengan baik mengikut peraturan-peraturan yang telah ALLAH gariskan, Mereka juga yakin mungkin di satu hari amanah itu ALLAH akan ambil semula. Kalau digunakan pun hanya semata-mata untuk ALLAH. Penggunaannya pun terbatas, yakni mengikut peraturan-peraturan serta yang dibenarkan oleh ALLAH.

Mereka benar-benar terasa apa yang ada pada

mereka adalah amanah dan pemberian dari ALLAH. Mereka menerimanya dengan perasaan malu dan takut. Takut pemberian dan amanah itu disalahgunakan. Sebab itu apabila mereka diberi kemewahan, pangkat, ilmu, kebahagiaan dan keselesaan hidup, mereka bersyukur dan malu dengan ALLAH. Bila ALLAH berikan kekayaan, tanah, kebun, ladang, emas, perak, harta dan Wang ringgit, mereka malu dengan ALLAH dan takut kalau-kalau tersalah guna amanah ALLAH itu.

Bila diberikan pangkat dan kedudukan, dia rasa bertambah malu kerana merasa semuanya dari ALLAH dan kehendak-Nya. Tidak ada apa-apa pun padanya. Bahkan dia takut dan bimbang pangkat dan kedudukan tersebut boleh menyebabkan ia kufur dengan nikmat ALLAH. Kerana di saat itu dia boleh menggunakan nikmat tersebut untuk kepentingan dirinya.

Bila ALLAH kumiakan padanya kecantikan, kecerdikan, akal yang pintar, bijak, petah, handal, kuat, gagah, berilmu, berjaya, rajin, sabar, redha dan lain-lain lagi, dia terasa semua itu dari ALLAH. Dia tidak punya apa-apa. Kalau ALLAH tarik nikmat-Nya, segala-galanya akan hilang. Hilang kemewahan, kebahagiaan, ketenangan dan sebagainya. Oleh itu bila

ALLAH tambahkan nikmat padanya lagi, dia terasa malu. Kerana dia terasa tidak ada apa-apa yang ada pada dirinya yang dapat dipersembahkan untuk ALLAH. Walaupun ia beribadah, ibadah juga adalah dari ALLAH.

Kalau ALLAH tidak gerakkan anggota-anggotanya, maka tidak akan mampu untuk dia berbuat apa-apa. Jadi dia bertambah malu dengan ALLAH. Terasa bahawa segala-segalanya adalah pemberian yang tidak dapat dibalas. Langsung jadilah ia rasa hina di hadapan ALLAH. Tidak sempat untuk dia sombong dan bermegah-megah. Padanya untuk apa sombong dan bermegah-megah, kerana semuanya itu adalah milik ALLAH. ALLAH boleh bagi bila-bila masa dan boleh tarik bila-bila masa saja. Sebab itu hidup dan matinya adalah untuk ALLAH.

Dia sedar, kerana udara yang ALLAH berikanlah yang membolehkan dia hidup. Makanan dan minuman yang ALLAH berikanlah yang menyebabkan dia bertenaga. Kalau ALLAH tarik udara yang sedang disedutnya bererti dia mati. Oleh itu dia sangat bergantung dengan ALLAH. Dia tidak takut dengan sebarang kuasa manusia atau makhluk kerana dia tahu ALLAH sajalah yang mampu membenarkan dia hidup. Kalaupun semua makhluk berpakat untuk

membunuhnya, dia tetap tidak mati selagi ALLAH mahukan dia hidup. Kalau ALLAH menghendaki dia mati walaupun semua manusia mengusahakan untuk dia hidup, ia tetap juga akan mati.

Oleh itu orang Mukmin terlalu yakin babawa semuanya adalah ciptaan ALLAH dan pemberian dari-Nya. Itu semua adalah amanah untuk dia jaga. Dia sentiasa malu dengan nikmat ALLAH yang banyak untuknya. Dan tidak pemah pula dia terasa kurang. Bahkan dia rasa ALLAH itu Maha Adil. Walaupun kelihatannya ada orang lain lebih daripada-nya, tetapi dia tetap rasa pemberian ALLAH terlalu banyak padanya. Jadi tidak ada langsung hasad deng-ki timbul di hatinya terhadap apa yang ALLAH kumiakan pada orang lain. Kerana dia rasa apa yang ALLAH kurniakan padanya sudah cukup banyak dan tidak terbalas olehnya. Menjadikan dia tidak tamak; cukuplah dengan apa yang ada. Bahkan selama-lama-nya dia rasa tidak dapat membalas jasa baik atau khidmat bakti ALLAH kerana nikmat pemberian daripada ALLAH tidak pemah putus-putus walaupun sedetik.

Sikap orang Mukmin itu terlalu menjaga nikmat pemberian ALLAH. Walaupun sebiji nasi yang jatuh, dia tetap mengutipnya. Kerana dia sedar dia tidak

mampu mencipta walaupun sebiji beras. Sebab itu sebagai tanda syukur di atas pemberian ALLAH itu, bila ALLAH beri, dikutipnya pemberian tersebut dengan rasa syukur. Dia terlalu takut disebabkan dengan sedikit nikmat ALLAH itu, kalau tidak dihargai, mungkin ALLAH akan tank segala-galanya.

Begitu juga dia akan kaitkan dengan pemberian nikmat-nikmat lam yang lebih besar. Yakni kalaulah pemberian yang sedikit itu (sebiji nasi) tidak dihargai, apakah kita mengharapkan nikmat yang lebih banyak, baru kita akan hargai dan syukuri? Pada orang Mukmin, nikmat yang kecil itu sebagai ukuran. Kalau tidak disyukuri, ALLAH tidak berikan lebih daripada itu. Kalau ALLAH beri lebih, ianya sebagai satu ***istidraj*** dari ALLAH SWT. Ertinya diberi secara tidak diredhai atau secara murka. Kalau nikmat sekecil itu tidak dapat dijaga, sudah tentulah nikmat yang lebih besar tidak tejaga. Sebab itu dia cukup jaga dengan nikmat ALLAH walaupun kecil.

Oleh sebab itulah orang-orang yang bertaqwa (bukan sekadar Islam), makin banyak menerima nikmat dari ALLAH, maka makin banyak pula amal ibadah yang dilakukannya. Kebajikannya turut bertambah. Khidmat masyarakatnya juga dibuat menyeluruh kepada semua lapisan manusia. Baik yang

miskin atau yang kaya, yang lemah dan kurang, terasa terbantu. Khidmat untuk orang tua, miskin papa, orang sakit, orang bersalin, orang yang ingin berkahwin diuruskannya, begitu juga perkara kematian dan kemalangan. Mereka berbuat demikian sebagai tanda kesyukuran kepada ALLAH.

Kita dapat saksikan mereka jadi pemurah dengan kekayaan yang ada, merendah diri dengan ilmu yang banyak serta darjat dan pangkat yang ada. Mereka juga merupakan orang yang terlalu pemaaf, walaupun mereka mampu bertindak ke atas orang lain yang bersalah pada mereka. Sabar dan redha dalam menerima ujian. Kalau taqdimya nikmat yang ALLAH berikan ditarik balik oleh ALLAH, mereka berlapang dada. Bahkan sesetengahnya merasa lega, kerana tanggungjawab yang berat telah terlepas daripada pundaknya. Kebimbangannya sudah tidak ada lagi. Di mana selama ini sentiasa saja hatinya bimbang, takut tersalahgunakan nikmat atau benda-benda yang diamanahkan padanya. Kerana hakikatnya dia tidak punyai apa-apa.

Begitu juga seterusnya, orang Mukmin itu tidak terasa dimiliki oleh sesiapa kecuali milik ALLAH SWT. Mereka rasa bebas dan merdeka dari sebarang makhluk atau kuasa makhluk. Hingga mereka tidak

mudah tunduk dan patuh melulu dengan kehendak-kehendak manusia, sekalipun boss atau tuan atau majikannya sendiri. Mereka boleh tunduk dan patuh pada makhluk selagi mereka itu tunduk dan patuh dengan peraturan ALLAH SWT.

Oleh sebab itu mereka tidak takut pada manusia dan kuasa manusia tapi hanya takut dengan kuasa ALLAH SWT. Kerana mereka rasa, memang mereka adalah kepunyaan atau milik ALLAH yang mutlak. Ertinya mereka tidak terlepas dari kuasa ALLAH. Lantas kerana itu, hanya kepada ALLAH saja mereka cinta dan takut, dan hanya kepada peraturan ALLAH saja mereka mengikatkan diri mereka.

Gambaran hidup mereka ini ada diceritakan dalam Al Quran. Di antara sikap mereka yang patut dicontohi ialah:

1. Mereka tidak takut pada orang yang mencerca. Firman ALLAH:

وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَآئِمٍ

Terjemahannya: ***Mereka tidak takut pada orang yang mencerca.***

(Al Maidah: 54)

2. Hanya takut pada ALLAH. Firman ALLAH:

إِنِّيٓ أَخَافُ ٱللَّهَ

Terjemahannya: *Aku hanya takut pada ALLAH.*

(Al Maidah: 28)

Inilah manusia yang benar-benar merdeka di dunia ini. Mereka merdeka daripada sebarang makhluk baik dari segi mental, fizikal mahupun jiwanya. Dirinya hanya terikat dengan ALLAH SWT. Begitulah sebenar-benar orang Mukmin yang mana dia tidak terasa memiliki dan dimiliki melainkan milik ALLAH.

Bab 6

JANGAN PERHAMBAKAN MANUSIA

DI DALAM kehidupan bermasyarakat, pada lahimya memang berlaku seseorang itu menguasai manusia yang lain. Atau seseorang itu, ada orang lain yang menguasainya. Tapi perlu diingat, itu hanya nisbi semata-mata, bukan hakiki. Misalnya:

a. Anak dikuasai ibu dan ayah.
b. Isteri dikuasai oleh suami.
c. Murid dikuasai oleh guru.
d. Siswa-siswi dikuasai oleh pensyarah.
e. Buruh dikuasai oleh majikan.
f. Rakyat dikuasai oleh pemerintah.

Dan begitulah seterusnya.

Apakah hikmahnya ALLAH jadikan demikian? Untuk apa Untuk siapa pula hikmah-hikmahnya itu? Dan apa risikonya kalau ALLAH tidak jadikan begitu? Mari kita cungkil hikmah-hikmah di sebalik semua kejadian ini. Moga-moga diizinkan ALLAH.

Di antara hikmah-hikmah yang dapat dicungkil kenapa ALLAH jadikan dalam kehidupan manusia hal-ha1 seperti di atas ialah supaya timbulnya perhubungan yang memberi faedah dua hala atau memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak yang terlibat. Inilah di antara rahmat ALLAH di dalam kehidupan bermasyarakat.

Kalaulah ALLAH tidak wujudkan suasana ini, apa akan jadi kepada manusia? Ya, tentu sekali manusia . akan mengalami kesusahan dan penderitaan. Bukti faedah dua hala itu berlaku:

Contoh pertama: Hubungan anak-anak dengan ibu dan ayah.

Cuba gambarkan kalau ibu ayah tidak mempunyai anak. Ini bererti sudah hilang tempat tumpahnya kasih sayang dan tempat berhibur hingga timbul rasa sunyi dalam hidup, serta tidak ada tenaga-tenaga pembantu yang boleh menyambung perjuangannya. Cuba gambarkan kalau tenaga pembantu tidak ada. Apa akan jadi? Tentulah generasi akan pupus dari dunia ini. Segala kerja terpaksa ibu ayah buat sendiri. Sakit demam tidak ada siapa yang menguruskannya walaupun dirinya sudah tua bangka, yang akan mati sendirian. Kalau ada harta, pada siapa hendak diwariskan?

Sedangkan bila ibu ayah ada anak, bererti ada tempat mereka memberi kasih sayang dan berhibur. Anak-anak boleh membantu sebahagian daripada tugas-tugas mereka dan menjadi pewaris pejuangannya. Jadi mereka dapat faedah dengan adanya anak-anak itu.

Begitu juga kalau anak-anak tidak punyai ibu ayah pula, ertinya hilanglah tempat bermanja. Pada lahimya dia terasa tidak ada siapa yang akan menguruskan hidupnya; memberi makan minum, pakaian dan perlindungan. Dia akan susah dan mender-ha.

Bagi anak-anak yang mempunyai ibu ayah, ibu ayah merekalah yang menjadi tempat bermanja-manja dan menyelesaikan masalah serta yang akan melmdungi mereka.

Jadi faedahnya adalah untuk dua hala. Ibu ayah dapat membela dan memimpin anak-anaknya, manakala anak-anak dapat bermanja-manja dan berkhidmat bakti untuk kedua orang tua mereka.

Contoh kedua: Hubungan isteri dengan suami.

Kalau seseorang itu tidak ada isteri, maka akan

hilanglah tempat berhibur. Hilang tempat dia melepaskan hajamya. Segala urusan rumahtangganya tidak terurus. Anak-anak, makan minum dan pakaiannya juga tidak terurus. Dirinya sendiri pun kadang-kadang tidak terurus. Sedangkan itu adalah sebahagian daripada keperluan hidup.

Begitulah sebaliknya yang berlaku pada perempuan, yang baginya, suami adalah tempat ia bermanja dan berhibur serta tempat berlindung. Jadi kalau mereka tidak ada suami, hajat tidak tercapai dan hidup akan sunyi. Hidupnya terumbang-ambing dan keselamatannya sentiasa terancam. Dengan adanya suami, mereka dapat menyelamatkan dan meninggikan darjat mereka lagi. Sedangkan lelaki yang hebat dan liar tanpa isteri akan dihina oleh masyarakat dengan pelbagai gelaran seperti 'kasanova' dan sebagainya.

Jadi faedahnya adalah untuk dua hala. Suami isteri akan dapat faedahnya.

Contoh ketiga: Hubungan murid dengan guru.

Seseorang akan dapat title guru setelali adanya mm-id. Walau melaut sekalipun ilmunya, dia tidak akan dapat gelaran guru kalau tidak ada mm-id. Ilmu yang ada

itu akan hilang percuma begitu sahaja, kerana tidak ada orang yang akan menampung dan menerimanya. Manakala kalau ada mm-id, dengan sebab mengajar, seorang guru itu akan sentiasa bertambah ilmunya. Dengan muridnya yang ramai, martabat dan kemuliaannya juga bertambah tinggi.

Apa kata pula kalau murid tak punya gurus akan hilanglah sumber ilmu pengetahuan daripada mereka. Murid akan jadi jahil dan bodoh. Alangkah sulit dan susahnya kalau tidak ada guru, walaupun ia seorang yang cerdik. Dicubanya sendiri untuk dapatkan ilmu. Dikumpulkan sebanyak-banyaknya kitab dan diusahakan dengan belajar sendiri. Walau bagaimana gigih sekalipun ia berusaha, namun ilmu yang diusahakan sendiri itu tidak akan sampai ke mana. Tetaplah ia jadi orang yang jahil dan bodoh kerana tanpa panduan dan pimpinan guru.

Di sini jelas bahawa keuntungan atau faedah daripada hubungan guru dengan murid itu adalah untuk dua hala. Guru dapat mencurahkan ilmunya kepada murid dan mendidik mereka, yang dengan sebab itu ia dipanggil sebagai guru. Manakala murid pula dapat menampung ilmu dan terdidik, hingga jadilah ia seorang yang pandai dan berguna kepada diri dan masyarakatnya. Jadi faedahnya adalah untuk

dua hala. Kedua-dua pihak mendapat untung.

Contoh keempat: Hubungan siswa-siswi dengan pensyarah.

Tidak bergelar pensyarah kalau tidak ada siswa-siswi. Walau bagaimana pakar seseorang pensyarah itu dalam pelbagai bidang ilmu, ia tetap tidak dipanggil pensyarah kerana tidak ada siswa-siswinya (tempat ia alirkan ihnunya itu). Jadi ilmu itu tetap membeku dan tidak memberi manfaat. Begitu jugalah sebaliknya. Tidak akan bergelar siswa-siswi kalau pensyarahnya tidak ada.

Oleh itu, kedua-duanya dapat untung. Siswa-siswi dapat ilmu dan kepakaran. Pensyarah-pensyarahnya pula dapat mencurahkan ilmu kepada siswa-siswinya. Ini menjadikan ilmunya bertambah matang, dan di situlah kemuliaannya.

Contoh kelima: Hubungan buruh dengan majikan.

Cuba kita andaikan pula jika majikan tanpa buruh. Tentulah tidak dikatakan majikan tanpa adanya buruh. Ertinya seseorang itu dapat jadi majikan setelah adanya buruh. Begitu juga sebaliknya buruh tidak akan dapat pekerjaan kalau tidak ada

majikannya Pada lahimya dia merasa majikannyalah yang memberi dia kerja, beri upah dan sumber pendapatan.

Dengan adanya buruh, majikan merasakan segala urusan yang berhubung kait dengan kerja-kerjanya dapat diselesaikan dengan segera. Terasa terbantu dan ringan urusannya. Setiap bahagian urusannya ada orang-orang yang dapat berbuat mengikut bidangnya Tidak perlu dia sendiri bertungkus-lumus. menyelesaikannya. Kalau tanpa buruh, ertinya dia, terpaksa buat segala-galanya bersendirian. Tentulah berat dan menyeksakan bahkan merugikan. Mungkin dia akan tutup tems syarikatnya.

Nampak jelas bahawa kedua-duanya mendapat faedah dua hala yakni majikan dapat memberi khidmat pekerjaan kepada buruh dan juga kerja-kerjanya dapat diuruskan dengan baik hingga dengan. itu dia dapat untung dan kaya-raya, manakala buruh pula dapat pekerjaan yang menjadi sumber pendapatan untuk sara hidup mereka. Sepatutnya buruh terasa terhutang budi dengan majikannya dan majikannya juga terhutang budi dengan buruhnya. Maka jadilah kedua-duanya saling hormat-, menghormati antara satu sama lain. Sehingga setiap pekerjaan yang dibuat adalah atas dasar saling kasih

sayang dan bertolong bantu. Jadi akan hiduplah mereka dengan aman damai dan berkasih sayang antara satu sama lain.

Contoh keenam: Hubungan antara rakyat dengan pemesintah.

Cuba gambarkan sekiranya rakyat tidak ada. Bolehkah seseorang itu berbangga menjadi raja? Atau seorang ketua jadi pemerintah. Seseorang itu dikatakan raja (pemerintah) setelah dia ada rakyat. Begitu juga seseorang itu dikatakan pemerintah kerana adanya orang yang hendak diperintahnya. Maka seseorang itu dikatakan raja kerana adanya rakyat di bawah jajahan takluknya.

Katalah seorang raja itu tercampak seorang din ke sebuah pulau tanpa ada sesiapa yang mendampinginya. Tambah pula pulau tersebut tidak ada penghuninya. Ertinya dia tidak ada rakyat. Sekaligus dia bukanlah layak menjadi seorang raja lagi. Siapakah yang akan menggelarkan dan menabalkannya sebagai “raja”? Tentulah rakyatnya. Kalau tidak ada rakyat, siapa yang akan melantiknya menjadi raja?

Tetapi apa akan jadi sekiranya rakyat tidak ada raja atau pemerintah. Siapakah yang akan

melindunginya? Pada lahimya siapakah yang akan menjaga keselamatan diri mereka? Bagaimana sekiranya berlaku pergaduhan sesama mereka?, Siapakah yang akan mengadili dan menjatuhkan hukumannya? Tidakkah nanti mereka menjadi makhiuk-makhluk yang liar tanpa diatur dan ditadbirkan?

Jelaslah bahawa keuntungan adalah untuk kedua belah pihak. Raja untung kerana adanya rakyat. Di situ dia dapat darjat dan kemuliaan sebagai raja. Sedangkan rakyat mendapat untung kerana adanya raja (pemerintah) yang dapat mengatur dan mentadbir serta menjaga kepentingan mereka, sehingga tidak berlaku hut-u-hara sesama mereka. Mereka juga tidak diancam oleh musuh kerana adanya kekuatan dan perlindungan dari tentera-tentera raja (pemerintah).

Oleh itu berdasarkan contoh-contoh yang kita sebut di atas, nampaklah kepada kita bagaimana proses perhubungan itu berlangsung dan bagaimana pemurahnya ALLAH SWT menurunkan rahmat-Nya ke atas semua golongan manusia ini. Dijadikan perhubungan manusia sesama mereka itu untuk saling memberi manfaat antara satu sama lain. Sama ada antara keluarga sesama keluarga, suami dengan isteri, buruh dengan majikan, guru dengan murid, pensyarah

dengan siswa-siswi, atau pemerintah dengan rakyat; perhubungan antara mereka adalah untuk kepentingan bersama. Atau untuk kepentingan dua hala. Di dalam dia member-i, dia juga menerima.

Di satu segi, dia menerima dan di sudut yang lain, dia juga memberi. Saling manfaat-memanfaatkan, bantu-membantu, tolong-menolong, saling lengkap-melengkapi. Semua orang ada bidang yang sesuai untuknya. Yang menjadi pelengkap kepada yang lainnya. Masing-masing ALLAH jadikan untuk perlu-, memerlukan antara satu sama lain.

Janganlah kita beranggapan bahawa kita boleh hidup sendirian tanpa dibantu. oleh orang lain. Jangan kita rasa boleh hidup sempuma tanpa ada hubung kait' dengan orang lain. Mestilah kita akui bahawa setiap kerja atau bidang yang kita buat tetap ada orang lain yang sama-sama membantu menyempumakannya, walaupun taraf kita sebagai raja di dunia ini. Sebenamya, lagi tinggi kedudukan atau darjat kita di dunia ini, maka semakin banyak kerja kita yang akan ditolong oleh orang lain.

Kalau begitulah hubungan ibu dan ayah dengan anak-anaknya, saling perlu-memerlukan dan saling member-i dan menerima faedah, janganlah sesuka hati

mereka bertindak ke atas anak-anak. Tidak boleh sesuka hati mengatur, mengarah dan memaksa serta mendidik ikut kehendak hati. Walaupun kita adalah ibu ayah kepada anak-anak, kita tidak boleh berbuat demikian. Apa yang patut kita buat ialah urus, didik dan pimpin mereka mengikut apa yang dikehendaki oleh ALLAH SWT. Kalau kita mengurus dan mendidik sesuka hati, jadilah kita memperhambakan manusia. Jangan sekali-kali memperhambakan anak-anak kita walaupun mereka itu anak kandung kita sendiri.

Begitu juga perhubungan antara suami dengan isteri. Tidak boleh si suami mengatur atau mengarah-arah isteri ikut sesuka hati. Begitu jugalah sebaliknya. Walaupun kita suami tetapi kita tidak boleh bertindak sesuka hati ke atas isteri. Sepatutnya mestilah isteri kita itu kita urus mengikut kehendak-kehendak ALLAH. Kalau kita mengurus mereka sesuka hati, jadilah kita memperhambakan isteri sendiri.

Seterusnya perhubungan antara guru dengan mm-id. Janganlah kerana kepentingan diri kita, kita atur-atur dan arah-arahkan murid-murid mengikut sesuka hati. Mentang-mentanglah kita guru, kita arah-arahkan, suruh itu dan ini, paksa buat macam-macam sehingga kita arah mengikut nafsu kita.

Untuk hubungan guru dengan murid, gambarkanlah kalau seorang guru tidak pemah sekali dipanggil mengajar. Tentulah tidak layak dipanggil guru walaupun beliau seorang yang hafal Al Quran dan punyai degri berjela-jela panjangnya, sekiranya tidak ada mm-id. Akan tetaplah dia tidak diangkatkan darjatnya. Bukankah dia diangkat darjamya kerana muridnya? Bila ada murid dan dapat mengajar mereka, janganlah arahkan murid-murid ikut sesuka hati. Sepatutnya kita urus dan didiklah murid-murid tersebut mengikut hukum-hakam ALLAH atau peraturan-peraturan ALLAH. Kalau kita mengarah-arahkan atau mengatur mereka mengikut kehendak kita sampai ketepikan kehendak ALLAH, jadilah kita memperharnbakan murid kita sendiri.

Begitu juga hubungan antara pensyarah dengan siswa-siswi di universiti-universiti di dunia hari ini. Ramai yang suka mengarah-arahkan pelajar-pelajamya ikut sesuka hatinya. Arahkan ikut kehendak mereka dan bukannya ikut kehendak ALLAH. Antaranya seperti melarang pergi sembahyang waktu kuliah, jangan tutup aurat dan paksa mereka membukanya, jangan ikut Sunnah Nabi, hingga menyakiti hati mereka (pelajar) dengan ucapan-ucapan yang keras dan kasar serta kesat. Ertinya pelajar disuruh ikut

cakap mereka dan jangan ikut perintah ALLAH. Mengarah-arahkan pelajar ikut sesuka hatinya, maka jadilah mereka ini memperhambakan manusia.

Bagi majikan pula, mereka menggunakan buruh-buruh mereka untuk kepentingan sendiri hingga mengarah-arahkan mereka itu sesuka hati. Tidak diambil peduli perasaan dan hati manusia lain. Kadang-kadang tidak dibayar upah yang berpatutan kepada mereka. Sudahlah buat kerja berat, upah pula kurang. Ditambah pula tidak dibenarkan rehat, dan tidak dibenarkan mengikut kehendak-kehendak ALLAH tapi utamakan ikut kehendak-kehendak mereka. Jadilah mereka ini memperhambakan manusia untuk kepentingan dirinya.

Hubungan raja dengan rakyat juga saling memberi dan menerima faedah. Jadi tidak boleh seorang raja yang merasakan dia berkuasa, berbuat apa saja ikut sesuka hati. Paksa rakyat buat itu dan ini. Arahkan bermacam-macam perintah sehingga tidak termampu oleh rakyat memikulnya. Kadang-kadang arahannya itu bercanggah pula dengan perintah ALLAH. Jikalau raja mengatur atau mengarahkan ikut sesuka hati, maka jadilah raja tersebut memperhambakan rakyatnya.

Oleh itu janganlah kita memperhambakan manusia lain. Sepatutnya semua orang mesti saling berkasih sayang antara satu sama lain dan merasa saling terhutang budi di antara satu sama lain. Saling merasa dapat faedah, dapat manfaat dan dapat untung di antara satu sama lain. Tegasnya akan wujud nanti masyarakat yang hidup penuh harmoni dan aman damai. Alhasil terhapuslah sistem penghambaan ke atas manusia.

MANUSIA TIDAK MEMILIKI DAN TIDAK DIMILIKI

PENUTUP

BUKU kecil ini mudah-mudahan dapat memberi makna yang besar kepada anda para pembaca sekalian. Setelah membaca dan memahami serta meneliti intipatinya, telah banyak kesedaran yang diperolehi. Kesedaran hasil daripada membaca buku yang bertajuk MANUSIA TIDAK MEMILIKI DAN TIDAK DIMILIKI ini, biarlah selama-lamanya bertapak di hati atau jiwa kita.

Alhasil bila hati kita dapat benar-benar menjiwainya, ia akan seterusnya bertindak mencorak kehidupan kita. Untuk ingatan kita sepanjang masa, di sini dibuat rumusan atau khulasah atau kesimpulan atau intipati daripada isi buku ini. Di antaranya:

1. ALLAH sajalah Pencipta, Pengatur, Penyusun, Pengurus, Pentadbir, Penguasa dan Pemilik yang mutlak.

2. Kuasa ciptaan ALLAH meliputi segala-gala yang

wujud sama ada yang boleh dilihat dengan mata kasar atau tidak, yang lahir mahupun yang batin, yang bersifat material mahupun yang bersifat rohaniah, yang nyata mahupun yang bersifat maknawiyah. Semuanya ciptaan-Nya, sekaligus milik-Nya.

3. Sebarang makhluk termasuk manusia pada hakikatnya tidak ada kuasa mencipta dan memiliki.

4. Begitu juga sebarang makluk termasuk manusia tidak dimiliki oleh sesiapa kecuali menjadi milik ALLAH.

5. Kalaupun ada pada lahimya manusia itu mencipta dan memiliki, itu hanya nisbi semata-mata, bukan hakiki. Ia hanya pinjaman dari ALLAH SWT.

6. Begitu juga walaupun pada lahimya manusia atau makhluk, adakalanya ia dimiliki, itu pun hanya nisbi semata-mata, bukan hakiki. Ia hanya perhubungan antara keluarga, atau buruh dengan majikan, atau pengikut dengan pemimpin.

7. Oleh kerana setiap makhluk termasuk manusia adalah ciptaan ALLAH sekaligus milik atau kepunya-an-Nya, sudah sepatumya ia diatur dan diurus meng-ikut syariat atau peraturan ALLAH.

8. Sebarang makhluk tidak berhak membuat peraturan.

9. Tidak berhak bagi manusia atau makhluk memperhambakan sesama mereka.

10. Juga tidak dibenarkan sebarang manusia atau makhluk memperhambakan diri kepada kuasa-kuasa selain ALLAH.

11. Perhubungan manusia di antara satu sama lain, adakalanya:

a. Ada yang berkuasa, ada yang dikuasai.
b. Ada yang tinggi, ada yang rendah.
c. Ada yang memimpin, ada yang dipimpin.
d. Dan lain-lain lagi.

Sebenamya perhubungan itu adalah rahmat daripada ALLAH kerana ia member-i faedah dua hala.

12. Oleh kerana manusia, satu sama lainnya itu saling mendapat faedah yang memang mereka tidak boleh hidup nafsi-nafsi atau sendiri-sendiri, maka sudah sewajibnyalah mereka saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Tidak boleh hina-menghina sesama mereka.

Moga-moga kita dipimpin oleh ALLAH SWT dengan diberi-Nya hidayah dan taufiq. Itu saja jalan yang dapat membawa kita ke arah jalan yang lurus serta segala apa yang ada pada kita itu, kita dapat gunakan untuk ALLAH dan keredhaan-Nya.

Sekian adanya.

SENARAI BUKU-BUKU YANG DITERBITKAN

SIRI CERAMAH UMUM

Pembahagian Manusia Di Akhirat
Keindahan Islam
Hidup Menurut Pandangan Islam
Keindahan Dan Kebesaran Sembahyang
Bagaimana Rasulullah Mengubat Penyakit Masyarakat

SIRI NOVEL

Selamat Tinggal Duniaku 1985

SIRI ANTOLOGI SAJAK/MADAH

Di Ambang Pintu Kiamat	1976
Cahaya	1977
Di Antara Rintihan Dan Harapan	1983
Kesedaran	1985
Madah Hatiku	1986
Hatiiu Bermadah Lag1	1988
Yang Dirindu	1990

SlRl KOLEKSI KHUTBAH/DIALOG/KULIAH

Pembangun Jii Dan Fikiran Ummah
Inilah Sikap Kita (Siri 1)

SlRl FALSAFAH DAN TARBIAH

lbadah Menurut Islam
Apa Itu Masyarakat Islam
Ke Arah Membangun Negara Dan Masyarakat Islam
Huraian Ke Arab Membangun Masyarakat Dan Negara Islam
Huraian Apa Ilu Masyarakat Islam
Bergembiraiah Dengan Al Quran Dan Sunnah
Falsafah Dalam Menyelesaikan Masalah Hidup Menurut Islam
Iman Dan Persoalannya
Yang Tersirat Disurat
Bersatu Menurut Islam
lnilah Jalan Kita (1)
Matlamat Perjuangan Menurut Islam
Kemerdekaan Menurut fslam
Mengenal Diri Melalui Rasa Hati
Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam
Kembara Membuktikan Kebenaran Al Qurw
Bahaya Syiah

Krisis Dan Jalan Penyelesaiannya	1987
Siapa Mujaddid Kurun Ke-15?	1987
lnilah Pandanganku	1988
Kenapa Salahkan Musuh?	1983
Berhati-hati Membuat Tuduhan	1989
Renungan Untuk Mengubah sikap	1990
Perancangan dan Perkhidmatan	1990
Pendidikan Rasulullah	1990
Manisnya Madu	1990
Perang Teluk : Islam Akan Kembali Gemilang	1991
Langkah-Langkah Perjuangan	1991
Aqidah Mukmin (I)	1991
Manusia Tidak Memiliki dan Tidak Dimiliki	1991

SIRI TERJEMAHAN B. INGGERIS

Worship in Islam	1989
The Scription of The Hidden Knowledge	1990
Life According To Islam	1990
Thii Is Our Way	1990



RASA memiliki menjadikan manusia sombong, ego, riyak, ujub, berbangga dan bermegah-megah. Baik yang dia miliki itu berupa benda-benda lahir seperti harta, pangkat dan kedudukan, atau yang berupa benda-benda maknawiyah (tersembunyi) seperti kepandaian, kepakaran, kecerdasan, kepetahan, kehandalan dan sebagainya. Bahkan rasa memiliki juga membuat manusia tamak dan hasad dengki – takut hilang apa yang dimiliki dan sentiasa ingin lebih sekalipun dengan apa yang berada di tangan orang lain.

Rasa dimiliki pula menjadikan manusia tidak merdeka, takut, hilang tawakal, terikat dengan bos, takut dengan guru, takut dengan pemimpin dan sebagainya.

Bila salah satu atau kedua-dua rasa ini ada pada manusia, manusia akan bertindak berlawanan dengan fitrahnya dan berlawanan dengan kehendak Allah. Hingga kerana itu, hilanglah bahagia dan diri berada jauh dari keredhaan Allah. Inilah punca pelbagai penyakit masyarakat hari ini. Akibatnya, manusia menderita di dunia dan akan menerima seksaan dari allah di akhirat.

Buku ini, dengan bahasa yang mudah dan gaya pengolahan yang ringan, membawa anda keluar dari permasalahan yang berat itu. Supaya bila anda memiliki sesuatu, anda tidak rasa memiliki. Dan bila anda 'dimiliki' oleh seseorang, anda tidak rasa dimiliki. Moga-moga dengan membaca buku ini, anda akan sedar dan rasa betapa:

MANUSIA TIDAK MEMILIKI DAN TIDAK DIMILIKI

